

ENNETS

No. Rujukan : EN/POLI/2505/09

Tarikh : 7 MAY 2025

Unit Latihan Industri,
Politeknik Sultan Idris Shah,
Sungai Lang, 45100 Sungai Air Tawar,
Selangor Darul Ehsan.

TUAN/PUAN,

TAWARAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI (INTERNSHIP) KEPADA PELAJAR KEJURUTERAAN (TELEKOMUNIKASI).

Merujuk kepada perkara di atas, pihak Ennets Sdn. Bhd. dengan sukacitanya menawarkan peluang untuk menjalani program Latihan Industri kepada para pelajar dari Politeknik Sultan Idris Shah.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, syarikat kami merupakan sebuah entiti yang menyediakan perkhidmatan kejuruteraan serta menjalankan perniagaan dalam bidang telekomunikasi dan pengurusan projek.
3. Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap pembangunan bakat industri, kami menawarkan pendedahan praktikal kepada para pelatih dalam pengendalian projek pemasangan infrastruktur telekomunikasi. Latihan ini merangkumi kerja-kerja *Outside Plant* (OSP)/pemasangan kabel gentian optik, serta pemasangan infrastruktur untuk sistem selular.
4. Sehubungan itu, kami amat mengalu-alukan permohonan daripada para pelajar yang berminat untuk menjalani latihan industri di syarikat kami. Permohonan boleh dihantar melalui e-mel ke **ashraf@ennets.com.my**. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi kami di talian **6013-308 3184**.

Kami menantikan penyertaan anda dan berharap dapat memberikan pengalaman latihan yang bermanfaat dan bermakna. Kerjasama dari pihak tuan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,

(ASHRAF RAHIM)
Senior Business Manager
Ennets Sdn. Bhd.

ENNETS

ENNETS SDN BHD 201701008829 (1222994-V)

Unit 6-2A Jalan Puteri 2/6, Bandar Puteri, 47100 Puchong Selangor, Tel: +603-80630201